

Headline **Women Shop percaya manfaat CMJ Herbs**
Date **18 Apr 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **L-52**
Article Size **179 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,556**
PRValue **4,669**



Women Shop percaya manfaat CMJ Herbs

KUALA LUMPUR - Produk minuman kesihatan terbaharu, CMJ Herbs, yang diformulasikan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dijangka mendapat sambutan ramai apabila ia memasuki pasaran dalam bulan ini.




Pengarah Eksekutif Women Shop, Ramzan Rozali berkata, produk tersebut merupakan pati herba terpilih dirumus khas yang didakwa berupaya membantu meningkatkan tahap kesihatan dan mampu membantu sistem fungsi tubuh, di samping mengandungi khasiat yang tinggi.

“Keistimewaan produk itu dihasilkan daripada campuran herba tempatan dan luar negara seperti *mesona*, *habbatus sauda* dan herba-herba terpilih yang kaya dengan kandungan antioksidan, kalsium dan khasiat untuk membantu memulih dan menyembuhkan sistem darah, saraf dan tulang,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ramzan menjelaskan bahawa syarikat Women Shop telah diberi kepercayaan oleh FRIM untuk memasarkan produk terbaharu tersebut di seluruh negara.

Sehubungan itu, ujar beliau, syarikat perusahaan itu ingin melantik seramai 100 ejen di seluruh negara bagi meluaskan rangkaian pasaran produk tersebut.

“Sasaran kami ialah berupaya menjual sebanyak 120,000 kotak produk minuman kesihatan ini, di samping melantik seramai 100 ejen menjelang akhir



RAMZAN yakin Women Shop dapat menjayakan penjualan CMJ Herbs di seluruh negara.

tahun 2011,” katanya.

Produk CMJ Herbs dijual pada harga RM46 sekotak yang mengandungi lapan botol bersaiz 40 mililiter setiap satu.

Orang ramai yang berminat menjadi pengedar produk itu boleh menghubungi Women Shop di alamat 18-3-1, Jalan 4/50, Diamond Square, Off Jalan Gombak, Kuala Lumpur atau menghubungi Ramzan di talian 012-2846369 untuk tempahan.